



1.0 TAJUK PROJEK

SISTEM JAWAPAN KEPUTUSAN UJIAN MAKMAL YANG EFEKTIF DAN EFISIEN SECARA ON-LINE DAN REAL TIME

2.0 PENGENALAN

Pelanggan yang menghantar sampel ke makmal memerlukan laporan keputusan ujian makmal tersebut secepat mungkin. Dengan sistem konvensional yang diamalkan pada masa kini, keputusan rasmi perlu dihantar melalui pos, faks atau email.

Inovasi ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem yang membolehkan pelanggan memperoleh keputusan rasmi dalam jangkamasa yang paling singkat.

Sistem ini juga dapat menjimatkan jabatan dari kos stem , faks, dan lain2 kos berkaitan dengan penghantaran keputusan secara konvensional.

3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Perkhidmatan makmal yang cekap bukan sahaja dapat memastikan sampel2 yang dihantar oleh pelanggan dapat diuji dengan segera dan mendapatkan keputusan ujian yang tepat dan jitu, namun juga memastikan keputusan rasmi ujian tersebut dapat diterima oleh pelanggan dalam jangkamasa yang paling singkat juga adalah sama pentingnya.

Penggunaan teknologi sedia ada dengan sedikit modifikasi dan pengubahsuaian mengikut keperluan jabatan dapat membangunkan sistem yang boleh memberikan manfaat yang besar kepada pelanggan makmal.

Makmal Seksyen Pencemaran Makmal Veterinar Wilayah Tengah (MVWT) telah membangunkan sistem sedemikian yang dapat memberikan kelebihan kepada pelanggan untuk mengakses keputusan rasmi ujian makmal tersebut sebaik sahaja pihak makmal selesai menjalankan ujian.

4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN

1. Pelanggan merungut kerana lewat menerima keputusan makmal
2. Kos penghantaran sample dengan perkhidmatan pos semakin meningkat dari masa ke semasa
3. Memanfaatkan penggunaan internet bagi kemudahan pelanggan penghantar sample ke makmal
4. Lewat menerima keputusan makmal menyebabkan langkah2 penguatkuasaan dan tindakan susulan yang melibatkan kes tersebut tergendala dan tidak dapat diambil dalam jangkamasa yang dijangkakan.

5.0 MATLAMAT PROJEK

Menghasilkan sistem yang reliable untuk menyampaikan keputusan makmal dengan menjamin *privacy* dan *internet security* pelanggan makmal.

6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

6.1 SEBELUM PROJEK

1. Pelanggan lewat menerima keputusan makmal
2. Jabatan terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk belanja pos, stem , sampul surat dsb
3. Imej jabatan tercalar akibat rungutan pelanggan yang marah kerana mereka lewat menerima keputusan makmal

6.2 SELEPAS PROJEK

1. Pelanggan berpuas hati kerana menerima keputusan makmal dalam jangkamasa yang singkat.
2. Jabatan dapat menjimatkan kos pos dan kos2 berkaitan.
3. Imej jabatan dapat ditingkatkan kerana pelanggan berpuas hati mendapat keputusan makmal dalam jangkamasa yang singkat

7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK

OUTPUT

1. Satu sistem menjawab kes2 / memberikan keputusan makmal yang menjamin pelanggan mendapat keputusan makmal dalam cara yang efektif dan efisien bagi memuaskan hati pelanggan.

OUTCOME



1. Pelanggan berpuas hati dengan sistem yang mengutamakan kepentingan mereka di samping menjamin privacy dan internet security masing2.

IMPAK


1. Industri ternakan lebih berdaya saing dengan khidmat sokongan makmal veterinar yang berkesan dan cekap di mana keputusan makmal diberikan dalam jangkamasa yang paling singkat dan kos efektif.

8.0 GAMBAR / ILUSTRASI BERKAITAN

Sistem ini berasaskan sistem sedia ada dan berasaskan internet (web based) iaitu google, iaitu gmail dan google drive. Rekod yang diperlukan ialah e-mail pelanggan2 yang menghantar sample ke makmal. Mulanya satu akaun gmail dibuka sebagai akaun utama mengendalikan sistem ini, dinamakan pencemaran.mvwt@gmail.com:-




Kemudian ke pilihan google drive dan setiap pelanggan diberikan folder mereka masing2



Sebaik sahaja keputusan makmal didapati, ianya terus dimuatnaik dan satu email pemberitahuan dihantar kepada pelanggan supaya boleh menurunnaik melalui komputer masing.

Dengan sistem google drive juga, *internet security* dan *privacy* dan kerahsiaan pelanggan dijamin oleh google kerana dengan link yang diberikan kepada pelanggan, hanya pelanggan yang diberikan link tersebut sahaja boelh mengakses dan memuat turun fail keputusan tersebut:



Contoh link:

<https://drive.google.com/open?id=1LDYEttWvYfdL9RtqSFvfuGzR6JdemDDy>

di mana hanya pelanggan DVS Johor yang diberikan link ini sahaja yang boleh mengakses dan memuat turun fail2 di dalam folder tersebut.

Google Drive interface showing a folder named "DVS Johor". The folder contains two files:



Name	Owner	Last modified	File size
Huat Lai	me	Jul 3, 2019 me	-
Kris Agritech Sdn Bhd	me	Mar 13, 2019 me	-



The interface also shows a sidebar with navigation options like "My Drive", "Shared with me", "Recent", "Starred", "Trash", "Backups", and "Storage" (247.1 MB of 15 GB used). The Windows taskbar at the bottom shows the time as 12:30 PM on 28/7/2019.

Google Drive interface showing a folder named "DVS Johor" with a sub-folder "Huat Lai". The sub-folder contains one file:

Name	Owner	Last modified	File size
mwvt 19-1165.pdf	me	Jul 3, 2019 me	410 KB

The interface also shows a sidebar with navigation options like "My Drive", "Shared with me", "Recent", "Starred", "Trash", "Backups", and "Storage" (247.1 MB of 15 GB used). The Windows taskbar at the bottom shows the time as 12:31 PM on 28/7/2019.





Softcopy yang diterima adalah 100% serupa dengan keputusan rasmi yang dikeluarkan oleh MVWT.

